



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PENJELASAN MENGENAI INSIDEN GANGGUAN CAPAIAN SISTEM
e-PHARMACIST BAGI TUJUAN PEMILIHAN PENEMPATAN LATIHAN
SISWAZAH PEGAWAI FARMASI GRED UF41**

KKM ingin memberi penjelasan berhubung insiden gangguan capaian sistem e-Pharmacist bagi pemilihan penempatan latihan siswazah bagi Pegawai Farmasi Gred UF41 yang mula dibuka pada 19 Januari 2023.

Insiden ini mula dikesan setelah KKM menerima aduan daripada calon yang memohon. Sehubungan itu, KKM telah mengarahkan tindakan segera diambil bagi mengenal pasti isu gangguan teknikal ini. Antara isu yang dikenal pasti adalah:

- (a) isu terdapat calon tidak dapat mengakses ke sistem pada waktu yang ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan calon lewat atau tidak dapat memilih penempatan latihan siswazah lebih awal;
- (b) capaian ke sistem yang perlahan (*lagging*) yang menyebabkan calon terpaksa menunggu lama untuk melengkapkan proses pemilihan penempatan; dan

- (d) terdapat isu calon yang berjaya memilih penempatan di suatu fasiliti melebihi had slot latihan siswazah yang ditetapkan.

KKM difahamkan bahawa seramai 627 calon ditawarkan pelantikan dan mereka perlu memilih penempatan latihan siswazah pada sesi kali ini. Justeru, bagi menangani situasi ini secara berhemah dan berlaku adil kepada calon yang memohon, sistem e-Pharmacist telah ditutup bagi memberi ruang kepada pasukan teknikal ICT KKM menilai dan menangani gangguan teknikal ini.

KKM akan membuka semula sistem e-Pharmacist pada tarikh baharu iaitu pada 30 Januari 2023 (Isnin) jam 12.00 tengah hari hingga 1 Februari 2023 (Rabu). Tarikh melapor diri bagi mengikuti Program Transformasi Minda (PTM) masih dikekalkan pada 13 Februari 2023.

Justeru, KKM menyeru agar semua calon yang terlibat dapat bersabar dan mengakses semula sistem ini pada tarikh yang ditetapkan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

22 JANUARI 2023